

# Kementerian akan panggil pembekal bahan binaan

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memanggil semua pembekal bahan binaan, persatuan industri berkeajaan dan kontraktor bagi mengenal pasti masalah sebenar berhubung dakwaan kenaikan harga bahan itu yang melebihi paras ditetapkan kerajaan.

Ketua Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Roslan Mahyuddin berkata, pertemuan itu akan diadakan pada minggu hadapan.

Beliau berkata, pihak kementerian

tidak mahu masalah yang berlaku menjejaskan pelaksanaan projek pembangunan terutama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Pertemuan atau mesyuarat itu adalah untuk mengenal pasti apa sebenarnya masalah yang berlaku.

"Ini kerana, kenaikan harga bahan binaan seperti besi dan keluli tidak seharusnya berlaku," katanya.

Beliau diminta mengulas keluhan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) mengenai dilema yang dihadapi kontraktor berikutan kenai-

kan harga beberapa bahan binaan seperti pasir, besi dan keluli melebihi paras ditetapkan kerajaan.

Kenaikan itu yang tidak termasuk caj sampingan, seperti pengangkutan dan servis itu dilihat membawa masalah kepada kontraktor selain berisiko gagal melaksanakan projek.

Ketika mendedahkan perkara itu semalam, Yang Dipertua PKMM, Datuk Roslan Awang Chik berkata, antara bahan yang mengalami kenaikan ketara adalah besi iaitu sehingga melebihi RM300 setiap tan daripada harga di-

wartakan oleh kerajaan.

Mengulas lanjut, Roslan berkata, selain simen yang dibenar dinaikkan sebanyak 10 peratus sebelum ini, bahan-bahan binaan lain tidak seharusnya berlaku kenaikan harga.

Ini kerana katanya, masalah kekurangan bekalan tidak berlaku sehingga menyebabkan pembekal menaikkan harga barangan.

"Kita tidak ada menerima laporan mengenai kekurangan bekalan bahan binaan dan jangan kerana kes ini projek terjejas," katanya.